




Jenazah Ungku Aziz dibawa ke Masjid At-Taqwa untuk disembahyangkan, malam tadi. (Foto Syraf Hamzah /BH)



Tunku Hajah Azizah diiringi Zeti Akhtar menziarahi jenazah Ungku Abdul Aziz di Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, malam tadi.



Seri Paduka, Raja Permaisuri zahir ucapan takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid yang meninggal dunia akibat sakit tua, petang semalam.

Dalam satu kenyataan di Facebook rasmi Istana Negara, baginda berdua turut menzahirkan rasa sedih dengan pemergian Allahyarham dan

berharap seluruh keluarganya sabar dan tabah menghadapi dugaan serta suasana pilu ini.

"Baginda berdua amat menghargai khidmat bakti dan jasa Allahyarham kepada masyarakat dan negara serta menyifatkan pemergiannya sebagai kehilangan besar kepada negara.

"Baginda berdua mendoakan roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT dan ditempatkan bersama para leluhur," kata kenyataan itu.

Ungku Aziz selamat dikebumi malam tadi

Tokoh ekonomi, pendidikan negara meninggal kerana sakit tua

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tokoh ekonomi dan pendidikan negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, di sini, malam tadi.

Allahyarham yang berusia 98 tahun, meninggal dunia kerana sakit tua kira-kira jam 4 petang ketika menerima rawatan di Hospital Prince Court, di sini.

Perkara itu disahkan isterinya yang juga bekas Naib Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Rahaiyah Baheran.

Jenazah Allahyarham yang juga bapa kepada bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, kira-kira jam 9.15 malam.

Terdahulu, jenazah sebaik selesai dimandi serta dikafankan, dibawa dari Hospital Prince Court ke Masjid At-Taqwa di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) untuk urusan solat jenazah.

Allahyarham mendapat ijazah dalam bidang ekonomi pada 1951 di Universiti Malaya (UM), Singapura sebelum memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sama di Universiti Waseda,



Jenazah Ungku Aziz disembahyangkan di Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

Tokyo pada 1964.

Ungku Aziz pernah berkhidmat di Fakulti Ekonomi UM di Kuala Lumpur antara 1961 hingga 1965 dan pernah menjadi Dekan di fakulti itu.

Pada 1968, Allahyarham dilantik Naib Canselor UM sehingga 1988 dan beliau juga Naib Canselor paling lama berkhidmat di universiti berkenaan.

Beliau dianugerahkan gelaran Profesor Diraja Ekonomi (Pembangunan Luar Bandar) pada 17 Jun 1978.

Dari segi peranan, Ungku Aziz diakui tokoh penting di sebalik pembubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji (TH) dan ANGKASA, serta dianugerahkan Tokoh Koperasi Negara sempena Hari Koperasi Ne-

garai, pada 21 Julai 2002 selain Tokoh Maal Hijrah pada 1997.

Allahyarham juga dianugerahkan Tokoh Ekonomi Melayu pada 25 Jun 2005 dan menerima Anugerah Akademik Negara pada 2006.

Allahyarham juga antara tokoh ekonomi yang terbabit dalam merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dalam pada itu, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenan memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham di Masjid At-Taqwa di Taman Tun Dr Ismail (TTDI).

Tunku Azizah tiba di pekarangan masjid bersama pengiring kira-kira jam 7.55 malam.